

**Tarikh Permohonan** : 13 Disember – 26 Disember 2024

### **Eco-Shop Ingin Membantu Anda!**

Kami prihatin terhadap kesan yang dihadapi akibat bencana banjir baru-baru ini dan ingin meringankan beban anda.

Sebagai tanda sokongan, kami menawarkan e-baucar **RM100 kepada 20,000 isi rumah** yang memerlukan. **Bersama, kita harungi cabaran ini dengan tabah.**

### **Cara Permohonan Baucar :**

**Langkah 1** : Imbas QR untuk menghantar permohonan anda. (Pastikan anda telah mendaftar sebagai ahli Eco-shop)

**Langkah 2** : Sila baca terma dan syarat yang tertera dan isikan butiran peribadi anda. (Sila sertakan salinan kad pengenalan dan laporan polis untuk tujuan pengesahan)

**Langkah 3** : Selepas pengesahan dilakukan, e-baucar akan dikreditkan dalam tempoh 5 hari bekerja\* (\*Untuk permohonan yang lulus sahaja)

### **Kelayakan Memohon :**

- Isi rumah yang terjejas adalah disebabkan banjir
- Disahkan sebagai mangsa bencana alam oleh Kerajaan Malaysia
- Hanya untuk Rakyat Malaysia sahaja

### **Proses Pengesahan**

- **Kad Pengenalan** : Pastikan maklumat kad pengenalan jelas dalam lampiran yang dihantar.
- **Laporan Polis** : Semakan butiran laporan polis akan dibuat untuk memastikan butiran dalam laporan tersebut adalah sepadan dengan pemegang kad pengenalan.
- **Pengesahan Permohonan** : Selepas semakan dibuat, HANYA permohonan yang LULUS akan menerima e-baucar dalam akaun ahli Eco-Shop dalam tempoh 5 hari bekerja.

### **Terma & Syarat:**

1. Setiap isi rumah hanya terhad kepada SATU (1) penebusan sahaja.
2. Tempoh permohonan adalah dari 13 Disember hingga 26 Disember 2024 sahaja.
3. Pemohon yang layak akan menerima e-baucar dalam 5 hari bekerja.

4. E-baucar hanya terhad untuk penebusan sehingga 15 Januari 2025 sahaja.
5. E-baucar hanya boleh ditebus di kedai Eco-Shop atau Eco-Plus sahaja.
6. Pelanggan perlu membayar perbezaan harga sekiranya nilai transaksi melebihi jumlah e-baucar yang digunakan untuk penebusan. Sekiranya nilai transaksi kurang daripada jumlah e-baucar, perbezaan harga tidak akan dikembalikan.
7. Sebarang baucar yang tidak digunakan akan tamat tempoh dan akan terbatal.
8. Sekiranya anda ingin memulangkan barangan yang rosak/cacat, di mana nilai transaksi dibuat menggunakan baucar, tiada wang tunai akan dikembalikan kepada anda.
9. E-baucar tidak boleh dipindah milik atau ditukar kepada wang tunai sekiranya tidak digunakan.
10. Eco-Shop berhak untuk mengubah, memadam, atau menambah mana-mana terma & syarat ini tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada anda.
11. Untuk terma dan syarat penuh, sila layari [www.eco-shop.com.my](http://www.eco-shop.com.my) atau hubungi khidmat pelanggan kami di 07-283 0123 atau WhatsApp +6012-781 8900 dari Isnin hingga Jumaat, 8:30 pagi hingga 5:30 petang untuk maklumat lanjut.